



# **UCAPAN BELANJAWAN 2021 SABAH MAJU JAYA**

**RAKYAT SEJAHTERA  
EKONOMI MAMPAN**

**18 DISEMBER 2020 (JUMAAT)**



**OLEH**

**YANG AMAT BERHORMAT DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR  
KETUA MENTERI MERANGKAP MENTERI KEWANGAN SABAH**



**UCAPAN BELANJAWAN NEGERI TAHUN 2021**

**OLEH**

**Y.A.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR  
KETUA MENTERI MERANGKAP MENTERI KEWANGAN SABAH**

**DI PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

**PADA**

**18 DISEMBER (JUMAAT)  
BERSAMAAN 03 JAMADILAWAL 1442H**

**“RAKYAT SEJAHTERA, EKONOMI MAMPAN”**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

**Datuk Speaker,**

1. Dengan segala hormat dan takzimnya, saya mohon izin bagi membentangkan cadangan Belanjawan Negeri Sabah Tahun 2021 untuk kelulusan Dewan yang mulia ini.

#### **MUKADIMAH**

**Datuk Speaker,**

2. Alhamdulillah. Setinggi-tinggi rasa kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah Subhannahu Wa Ta'alaa. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu alaihi Wassalam, para sahabat dan keluarga baginda.
3. Saya bersyukur dengan limpah rahmat dan kebesaran Tuhan sekalian alam, dapat saya berdiri di Dewan yang mulia ini, pada petang hari Jumaat, bersamaan 18 Disember 2020, untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai Menteri Kewangan, buat kali pertama, membentangkan Belanjawan Negeri Sabah Tahun 2021.
4. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakyat di Sabah yang telah memberikan kepercayaan kepada Gabungan Rakyat Sabah (GRS) untuk memimpin dan mentadbir Kerajaan Negeri. Insya Allah, saya dan rakan-rakan pimpinan dalam GRS akan berusaha sehabis baik, untuk merealisasikan aspirasi rakyat dan sekali gus memastikan mandat rakyat tidak akan disia-siakan, kepentingan negeri tidak akan sesekali dikesampingkan.

5. Sekalung tahniah diucapkan buat kesemua 73 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang telah dipilih melalui Pilihan Raya Negeri Ke-16 yang lalu, serta 6 ADUN Yang Dilantik, yang kini menduduki ruang Dewan yang mulia ini sebagai Wakil Rakyat. Dalam pada itu, dengan penuh rasa dukacita, Kerajaan Negeri ingin merakamkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga ADUN Bugaya, Allahyarhamah Datin Manis Muka Mohd Darah, atas pemergiannya pada 17 November lalu. Moga roh Allahyarhamah sentiasa dicucuri rahmat.

**Datuk Speaker,**

6. Sebaik sahaja Gabungan Rakyat Sabah (GRS) menang dengan bilangan kerusi yang menyakinkan, kami segera insaf dengan amanah berat dan tanggungjawab besar yang digalas untuk memenuhi aspirasi rakyat. Justeru, Kerajaan Negeri di bawah pimpinan GRS bertekad dan beriltizam untuk berusaha dan bekerja keras dalam mendepani apa jua cabaran dan halangan mendatang. Kita yakin keikhlasan, kejujuran dan kesatuan hati akan memandu ikhtiar kita mencapai destinasi bersama iaitu memajukan rakyat dan Negeri Sabah.
7. Maka saya menyeru rakan-rakan Yang Berhormat sekalian untuk menghayati dan menilai inti pati Belanjawan Tahun 2021 ini dengan semangat perpaduan, hati yang terbuka dan jiwa yang besar. Dengan izin Allah dan berpaksikan komitmen menunaikan mandat rakyat, saya bersama-sama barisan kepimpinan GRS sedia melakukan yang terbaik demi memastikan negeri tercinta ini bertambah maju, makmur, aman dan sentosa.

*Dari Kudat ke Pekan Tuaran,  
Pandangan indah di pagi hari,  
Salam muafakat kami hulurkan,  
Bersatu sepakat majukan negeri.*

## PRESTASI DAN PROSPEK EKONOMI: DUNIA DAN MALAYSIA

Datuk Speaker,

8. Bermula awal tahun ini, kita berhadapan dengan satu krisis kesihatan dan keselamatan luar biasa akibat penularan virus COVID-19 yang menjadi pandemik global. Sehingga hari ini, pandemik ini masih belum berjaya ditangani di seluruh dunia, dan Sabah menjadi antara negeri yang mempunyai jumlah kes tertinggi di Malaysia.
9. Selain isu kesihatan awam, pandemik ini juga membawa pelbagai implikasi terhadap Negeri Sabah. Lebih malang lagi, pandemik ini telah menjaskankan sosio-ekonomi rakyat. Seluruh dunia sedang berhadapan dengan cabaran besar menangani pandemik COVID-19 termasuk mendepani kesan langsung terhadap kedudukan ekonomi.

### EKONOMI DUNIA

10. Pertumbuhan ekonomi global diunjurkan menguncup pada kadar **negatif 4.4 peratus** pada tahun 2020 sebelum kembali kukuh kepada kadar **5.2 peratus** pada tahun 2021. Unjuran ini adalah kesan daripada gangguan dalam aktiviti domestik, kejutan permintaan ekoran sekatan pergerakan, peningkatan dalam penjimatan perbelanjaan dan ketidaktentuan dalam sektor pelaburan. Kadar penggunaan dan pelaburan dijangka akan meningkat semula pada tahun hadapan tetapi tidak serancak sebelum ini.
11. Hampir seluruh negara di dunia kecuali China akan menyaksikan ramalan pertumbuhan ekonomi jatuh merudum dan mencecah paras negatif tahun ini. Ekonomi Amerika Syarikat diunjurkan pada kadar **negatif 4.3 peratus** pada tahun 2020 dan dijangka akan meningkat kepada kadar **3.1 peratus** pada tahun 2021. Ekonomi Kesatuan Eropah pula diunjurkan pada kadar **negatif 8.3 peratus** pada tahun 2020 sebelum pulih kepada kadar **5.2 peratus** pada tahun 2021.

12. Pertumbuhan ekonomi China, dengan sokongan daripada polisi stimulus dan import yang kukuh, diunjur tumbuh **1.9 peratus** pada tahun 2020 dan diramal akan terus berkembang kepada kadar **8.2 peratus** pada tahun 2021. Manakala ekonomi Negara India pula diunjurkan pada kadar **negatif 10.3 peratus** pada tahun 2020 sebelum diramal melonjak kepada kadar **8.8 peratus** pada tahun 2021.

## EKONOMI MALAYSIA

**Datuk Speaker,**

13. Ekonomi Malaysia tidak terkecuali daripada kesan pandemik COVID-19 dengan kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada tahun 2020 diramalkan menyusut kepada **negatif 4.5 peratus**. Ini adalah ekoran daripada perubahan kepada ramalan pertumbuhan ekonomi global oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan juga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah memberi kesan kepada ekonomi negara.
14. Pertumbuhan KDNK Malaysia dijangka akan pulih semula di antara **6.5 peratus** hingga **7.5 peratus** pada tahun 2021, apabila keadaan luaran bertambah baik dan kedudukan ekonomi serta pasaran buruh kembali normal secara beransur-ansur. Sementara itu, rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia pula telah mencatat peningkatan kepada **USD105.2 billion** berbanding **USD104.9 billion** yang telah direkodkan sebelum ini.

## PRESTASI DAN PROSPEK EKONOMI: SABAH

**Datuk Speaker,**

15. Prestasi pertumbuhan ekonomi Negeri Sabah pada tahun 2020 dijangka menguncup kepada **15.0 peratus hingga 19.0 peratus** berbanding pada kadar **0.5 peratus** pada tahun 2019. Kebergantungan kepada kelapa sawit dan minyak mentah terus mempengaruhi keseluruhan pertumbuhan ekonomi Sabah.

16. Pertumbuhan sektor pertanian disokong oleh subsektor kelapa sawit yang merupakan penyumbang terbesar dalam KDNK pertanian Negeri Sabah. Pada pertengahan tahun 2020, pengeluaran minyak sawit mentah negeri adalah pada kadar **2.26 juta tan metrik**. Jumlah ini telah menunjukkan kadar penurunan sebanyak **11.4 peratus** berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Walaupun kerajaan telah memberikan kelonggaran kepada pengusaha-pengusaha untuk beroperasi bagi memenuhi permintaan pasaran, namun hasil pendapatan bagi syarikat-syarikat yang terlibat masih terjejas, berikutan penurunan dalam kuantiti pengeluaran yang berpunca daripada penutupan operasi semasa pelaksanaan PKP. Bagi tempoh bulan Januari hingga Jun 2020, jumlah minyak sawit mentah yang dieksport adalah sebanyak **2.15 juta tan metrik** dan menjana pendapatan eksport sebanyak **RM5.7 billion**.
17. Sektor Perlombongan dan Pengkuarian pula mencatatkan jumlah nilai eksport petroleum mentah dan produk petroleum ditapis (*refined*) menurun sebanyak **35.7 peratus** dan **25.9 peratus** pada pertengahan tahun 2020, berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Penurunan ini secara tidak langsung disebabkan oleh trend harga minyak mentah dunia yang terus menurun ekoran pandemik COVID-19 dan kemelut perdagangan antara negara China dengan Amerika Syarikat.
18. Sektor Pembinaan yang melibatkan aktiviti pembinaan bangunan kediaman dan bangunan bukan kediaman serta kejuruteraan awam turut terjejas sepanjang tempoh pelaksanaan PKP. Perkara ini dapat dilihat melalui penurunan import bahan binaan seperti besi dan keluli pada separuh pertama tahun 2020, yang menurun sebanyak **50.1 peratus** berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya iaitu penurunan daripada **68,986 tan metrik** kepada **34,430 tan metrik**.
19. Sektor Perkhidmatan turut terjejas akibat pandemik ini, namun kebanyakan pengusaha restoran dan sektor peruncitan berusaha untuk meningkatkan jualan dengan memanfaatkan penggunaan teknologi seperti pesanan secara *online* dan perkhidmatan *take away*. Kebanyakan pengusaha telah memanfaatkan

inisiatif subsidi upah dan pelarasan moratorium serta memohon fleksibiliti pembayaran pinjaman.

**Datuk Speaker,**

20. Sektor Pelancongan adalah antara sektor yang amat terjejas akibat sekatan penerbangan dari luar masuk ke Negeri Sabah. Prestasi aktiviti pelancongan menguncup hingga ke angka kosong selepas penutupan sempadan ketika PKP dilaksanakan. Jumlah ketibaan pelawat antarabangsa mencatatkan kadar penurunan sebanyak **75.1 peratus** pada bulan Januari hingga Jun 2020 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2019. Manakala, jumlah ketibaan pelawat domestik juga mencatatkan kadar penurunan sebanyak **57.2 peratus**.
21. Kadar inflasi Negeri Sabah adalah lebih rendah iaitu **negatif 3.1 peratus** pada pertengahan tahun 2020 berbanding **0.5 peratus** pada pertengahan tahun 2019, ekoran pengurangan perbelanjaan pengguna semasa tempoh PKP dan keyakinan pengguna yang lemah, akibat ketidakpastian terhadap keselamatan dan kestabilan pekerjaan.
22. Sabah telah mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak **RM11,727.0 juta** pada pertengahan tahun 2020. Faktor yang menyumbang kepada prestasi pelaburan tersebut ialah pemindahan kemudahan Gas Asli Cecair Terapung (LNG), *Petronas Floating LNG Facility* (PFLNG 1), Petroleum Nasional Bhd (Petronas) dari Ladang Kluster Kumang, luar pesisir Negeri Sarawak ke Ladang Klusangan Kebabangan di luar pesisir Negeri Sabah.
23. Pelaksanaan dasar pengembangan fiskal oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah penting untuk merangsang ekonomi bagi melindungi kesejahteraan hidup rakyat serta merangsang ekonomi yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Pelaksanaan pakej rangsangan telah membantu menangani kelembapan ekonomi.

## PELAN PEMBANGUNAN SABAH MAJU JAYA (PELAN SMJ) 2021 - 2025

**Datuk Speaker,**

24. Kerajaan Negeri yang saya pimpin bermula 29 September 2020 ini sedang berhadapan dengan realiti dan kedudukan ekonomi yang amat mencabar. Kita perlu bertindak segera untuk menangani penyusutan pertumbuhan sektor dan subsektor tertentu dan mengenal pasti sumber baharu untuk memperkuuh dan meningkatkan hasil negeri. Pada masa yang sama, kedudukan sosio-ekonomi rakyat perlu diletakkan pada unjuran keutamaan melalui usaha yang menjurus kepada sasaran untuk meningkatkan ekonomi rakyat.
25. Sehubungan itu, selain fokus menangani isu kesihatan awam, kerajaan telah memulakan usaha merangka strategi dan pendekatan dalam merangsang pembangunan negeri untuk membawa Sabah keluar daripada kesan pandemik COVID-19 dan seterusnya membina kemajuan negeri untuk masa hadapan.
26. Untuk tujuan itu, kewujudan sebuah kerangka pelan pembangunan amat penting bagi Negeri Sabah. Pelan berfungsi sebagai panduan hala tuju dasar dan program kerajaan, seterusnya memandu arah pelaksanaan secara terancang dan strategik, untuk mencapai sasaran dan matlamat yang bertepatan dengan keperluan pembangunan negeri.
27. Alhamdulillah, kita dalam peringkat akhir menyediakan agenda dan hala tuju pembangunan negeri, yang kini dalam peringkat sesi libat urus (*engagement*) untuk memuktamadkan inisiatif-inisiatif yang bertepatan. Hala tuju strategik pembangunan negeri ini kita namakan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya (Pelan SMJ).
28. Sabah Maju Jaya yang merupakan slogan Jata Negeri sejak sekian lama telah dipilih dan diangkat sebagai nama pelan pembangunan ini. Pemilihan ini dibuat dengan hasrat untuk membawa citra inklusiviti, pemilikan bersama dan kebertanggungjawaban setiap anak Sabah untuk menjayakan agenda

pembangunan negeri. Setiap daripada kita berhasrat dan mengidamkan perubahan negeri ke arah yang lebih maju dan makmur. Sehubungan itu, adalah menjadi amanah dan tanggungjawab semua untuk memastikan keberhasilan Pelan SMJ demi kepentingan negeri dan rakyat.

**Datuk Speaker,**

29. Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya akan dibentangkan pada bulan Januari 2021, dan pelaksanaannya akan melibatkan tempoh lima tahun bermula 2021 hingga 2025. Pelan ini akan bergerak seiring dengan kerangka utama pembangunan negara melalui Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB). Objektif Pelan SMJ meliputi:

- |         |  |
|---------|--|
| Pertama | : Membina negeri dan masyarakat yang bersatu padu, aman, makmur dan sejahtera; |
| Kedua   | : Mengoptimumkan sumber dan hasil negeri;                                      |
| Ketiga  | : Merangsang pemulihan ekonomi;  |
| Keempat | : Meningkatkan ekonomi rakyat; dan   |
| Kelima  | : Membangunkan modal insan.  |

30. Sementara itu, teras Pelan SMJ akan melibatkan tiga elemen utama iaitu:

<b>S</b>	Sektor Pertanian, Perindustrian dan Pelancongan Sebagai Fokus Pertumbuhan Ekonomi;
<b>M</b>	Modal Insan dan Kesejahteraan Rakyat; serta
<b>J</b>	Jaringan Infrastruktur dan Kelestarian Hijau

31. Pada masa yang sama, pelaksanaan pelan ini juga akan didokong melalui penglibatan sektor swasta dari dalam dan luar negara. Untuk tujuan itu, kerajaan telah menubuhkan Majlis Penasihat Ekonomi Sabah. *Sabah Economic Advisory Council* (SEAC) ini dianggotai oleh pemain industri, ahli akademik dan aktivis Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Peranan utama SEAC adalah untuk

menarik dan membawa pelaburan dari luar ke dalam negeri Sabah, kerana kita yakin peningkatan kemasukan pelaburan berupaya melonjakkan pembangunan negeri.

32. Dalam proses memuktamadkan inisiatif-inisiatif di dalam Pelan SMJ, kita mengalu-alukan syor dan cadangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Selain perbahasan yang menjurus kepada Belanjawan Tahun 2021, input dan saranan dalam setiap perbahasan akan diambil kira dalam pelaksanaan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya. Belanjawan Tahun 2021 akan menjadi bajet pertama dalam pelaksanaan pelan ini.

## KOMITMEN KERAJAAN PERSEKUTUAN

**Datuk Speaker,**

33. Sebelum memperincikan butiran Belanjawan Negeri Sabah Tahun 2021, Kerajaan Negeri ingin merakamkan ucapan penghargaan di atas komitmen Kerajaan Persekutuan dalam membantu menggerakkan pembangunan di Sabah. Dalam pembentangan Belanjawan Tahun 2021 pada 6 November 2020 yang lalu, Kerajaan Persekutuan telah mengagihkan peruntukan pembangunan sebanyak **RM5.1 bilion** untuk Negeri Sabah. Peruntukan ini antaranya untuk membina dan menaik taraf infrastruktur air, elektrik, jalan raya, kemudahan kesihatan dan pendidikan.
34. Antara pembangunan infrastruktur pengangkutan utama yang terlibat meliputi penjajaran Lebuhraya Pan Borneo Sabah bagi Pakej dari Serusop ke Pituru; penyambungan Projek Pembesaran Pelabuhan Kontena Sepanggar Bay di bawah Sabah Development Corridor dan peruntukan bagi menaik taraf bangunan dan infrastruktur sekolah terutamanya sekolah daif.

35. Rakyat Sabah juga akan mendapat manfaat melalui program *Native Customary Rights* dan Geran Khas Prihatin Tambahan sebanyak **RM1,000.00** kepada peniaga dan penjaja, pemandu teksi, *e-hailing*, kereta sewa dan pemandu pelancong yang terjejas teruk ekoran kekurangan kehadiran pelancong.

**Datuk Speaker,**

36. Pada 7 Disember 2020, pihak PETRONAS dan Kerajaan Sarawak telah menandatangani satu *Commercial Settlement Agreement* untuk menyelesaikan pertikaian isu Cukai Jualan Negeri dan kuasa pengawalseliaan ke atas sumber minyak dan gas di Negeri Sarawak. Susulan daripada itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin telah mengumumkan bahawa PETRONAS akan bertemu dengan Kerajaan Negeri Sabah yang baharu terbentuk, untuk memulakan rundingan segera bagi tujuan yang sama.
37. Kerajaan Negeri amat menghargai komitmen tinggi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengarahkan Kementerian Kewangan Malaysia untuk menyelaraskan segera proses rundingan berkaitan pengurusan industri minyak dan gas di antara kedua-dua pihak.
38. Komitmen ini juga dizahirkan melalui pembentukan Majlis Khas Perjanjian Malaysia 1963 yang telah bersidang buat kali pertama pada 2 Disember 2020 yang lalu. Kita berkeyakinan tinggi pelbagai isu utama tertangguh yang mendasari hubungan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan akan dapat ditangani dengan hikmah melalui musyawarah. Usaha ini penting untuk memelihara hak dan kepentingan Sabah dalam Persekutuan Malaysia serta menjana peningkatan hasil negeri yang diperlukan dalam belanjawan pembangunan negeri setiap tahun.

## TEMA DAN FOKUS BELANJAWAN NEGERI TAHUN 2021

Datuk Speaker,

39. Tema Belanjawan Negeri Tahun 2021 ialah “**Rakyat Sejahtera, Ekonomi Mampan**”. Tema ini dirangka berteraskan aspirasi dan komitmen kerajaan dengan slogan **SABAH MAJU JAYA** bagi menanamkan semangat, nilai-nilai murni dan kebertanggungjawaban di kalangan rakyat supaya bersatu dan bekerjasama membina kemajuan dan kejayaan negeri.
40. Bagi merealisasikan matlamat tema belanjawan ini, Kerajaan Negeri mencadangkan anggaran perbelanjaan Belanjawan Tahun 2021 berjumlah **RM4,303.26 juta** berbanding anggaran kutipan hasil sebanyak **RM4,481.96 juta**, dengan **Belanjawan Lebihan (Surplus Budget)** berjumlah **RM178.70 juta**. Kita akan mengurus sebaiknya untuk memastikan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah dalam keadaan yang stabil.
41. Agihan peruntukan Anggaran Perbekalan dan Anggaran Pembangunan Negeri dalam Tahun 2021 mengikut Kementerian adalah seperti berikut:

- Pertama : Kementerian Kewangan, Anggaran Perbekalan **RM1,747.50 juta** dan Anggaran Pembangunan **RM5.80 juta**;
- Kedua : Kementerian Kerja Raya, Anggaran Perbekalan **RM762.00 juta** dan Anggaran Pembangunan **RM233.69 juta**;
- Ketiga : Jabatan Ketua Menteri, Anggaran Perbekalan **RM471.68 juta** dan Anggaran Pembangunan **RM169.64 juta**;
- Keempat : Kementerian Pertanian dan Perikanan, Anggaran Perbekalan **RM324.59 juta** dan Anggaran Pembangunan **RM102.49 juta**;
- Kelima : Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Anggaran Perbekalan **RM207.65 juta** dan Anggaran Pembangunan **RM9.12 juta**;

- Keenam : Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Anggaran Perbekalan **RM113.34 juta** dan Anggaran Pembangunan **RM17.02 juta**;
- Ketujuh : Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat, Anggaran Perbekalan **RM122.14 juta** dan Anggaran Pembangunan **RM10.33 juta**;
- Kelapan : Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah, Anggaran Perbekalan **RM99.95 juta** dan Anggaran Pembangunan **RM125.50 juta**;
- Kesembilan : Kementerian Belia dan Sukan Sabah, Anggaran Perbekalan **RM91.60 juta** dan Anggaran Pembangunan **RM15.10 juta**;
- Kesepuluh : Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Anggaran Perbekalan **RM120.56 juta** dan Anggaran Pembangunan **RM11.85 juta**;
- Kesebelas : Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah, Anggaran Perbekalan **RM16.79 juta** dan Anggaran Pembangunan **RM32.56 juta**;
- Keduabelas : Perbelanjaan Yang Diuntukkan, Anggaran Perbekalan **RM194.35 juta**; dan
- Ketigabelas : Perbelanjaan Yang Tidak Termasuk Dalam Kementerian-Kementerian, Anggaran Perbekalan **RM31.11 juta**.

## ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN TAHUN 2021

### Anggaran Hasil Tahun 2021

**Datuk Speaker,**

42. Hasil Negeri Sabah dianggarkan berjumlah **RM4,481.96 juta** pada tahun 2021. Anggaran hasil ini diunjur meningkat sebanyak **7.0 peratus** atau sebanyak **RM289.54 juta** berbanding dengan anggaran tahun semasa berjumlah **RM4,192.42 juta**. Peningkatan hasil ini adalah kerana wujudnya sumber hasil

baharu daripada kutipan Cukai Jualan Negeri. Komposisi hasil tahun 2021 terdiri daripada **Hasil Cukai** sebanyak RM2,220.85 juta, bersamaan 50.0 peratus; **Hasil Bukan Cukai** sebanyak RM1,805.22 juta atau 40.0 peratus; dan **Terimaan Bukan Hasil** sebanyak RM455.89 juta atau 10.0 peratus.

43. **Cukai Jualan Ke Atas Produk Petroleum**, merupakan penyumbang terbesar dengan anggaran hasil berjumlah **RM1.25 bilion** atau mewakili **27.9 peratus** daripada keseluruhan anggaran tahun 2021. Kerajaan Negeri akan memastikan agar hasil melalui kutipan cukai jualan ini dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya untuk tujuan perbelanjaan pembangunan dan kesejahteraan rakyat Sabah.

**Datuk Speaker,**

44. Pandemik COVID-19 yang melanda dunia telah memberi impak signifikan kepada prestasi kutipan hasil Kerajaan Negeri. Hampir kesemua sumber hasil negeri turut terjejas pada tahun ini. Anggaran hasil disemak tahun 2020 diunjur berkurang sebanyak **17.0 peratus** atau **RM721.42 juta** kepada **RM3,471.00 juta** berbanding anggaran asal. Pengurangan ini disebabkan pengeluaran dan purata harga minyak mentah yang lebih rendah telah menyebabkan kutipan hasil daripada sumber ini turut terjejas. Kutipan hasil sebenar Royalti Petroleum pada tahun 2020 adalah **RM1.13 bilion** berbanding anggaran asal berjumlah **RM1.70 bilion**. Kutipan hasil daripada Cukai Jualan Minyak Sawit Mentah diunjur berkurang kepada **RM793.00 juta** berbanding anggaran asal tahun 2020 sebanyak **RM825.00 juta**. Pengurangan ini adalah disebabkan pengeluaran yang lebih rendah walaupun harga minyak sawit mentah berada di paras yang baik.
45. Pada tahun 2021, **Cukai Jualan Negeri** merupakan peneraju utama di bawah **Kategori Hasil Cukai** iaitu 46.5 peratus atau RM2.08 bilion daripada jumlah keseluruhan anggaran hasil tahun 2021. Sebagaimana yang telah saya maklumkan tadi, **Cukai Jualan Produk Petroleum** adalah penyumbang hasil terbesar dengan anggaran kutipan sebanyak RM1.25 bilion. Ini diikuti oleh **Cukai Jualan Minyak Sawit Mentah** dengan anggaran kutipan hasil berjumlah

RM787.50 juta atau 17.6 peratus daripada anggaran tahun 2021. Selain daripada cukai jualan negeri, antara penyumbang yang lain di bawah kategori ini ialah kutipan hasil melalui **Sewa Tanah** dan **Cukai Pelabuhan dan Dermaga** masing-masing dianggarkan berjumlah RM88.00 juta dan RM49.34 juta.

46. Bagi kategori **Hasil Bukan Cukai, Royalti Petroleum** dijangka terus menjadi salah satu penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri yang dianggarkan sebanyak **RM911.00 juta** atau **20.0 peratus** daripada anggaran hasil tahun 2021. Hasil-hasil utama yang lain di bawah kategori ini adalah **Jualan Air; Faedah dan Perolehan daripada Pelaburan**; dan **Premium Tanah** iaitu masing-masing dianggarkan berjumlah RM300.00 juta; RM227.60 juta dan RM146.00 juta.

**Datuk Speaker,**

47. Pemberian Kerajaan Persekutuan merupakan hasil utama di bawah **Terimaan Bukan Hasil**, menyumbang **RM455.89 juta**, bersamaan **10.0 peratus** daripada jumlah anggaran hasil 2021. Jenis-jenis terimaan dan sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan ialah Pemberian Khas, Pemberian Mengikut Kiraan Kepala, Pemberian Pertambahan Hasil, Pemberian bagi Membiayai Perbelanjaan Mengurus bagi Jabatan-Jabatan di Bawah Senarai Bersama, Pemberian Kos Perkhidmatan Di Atas Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan dan Pemberian untuk Menggantikan Duti Import/Eksais Ke Atas Petroleum dan Pemberian Pelancongan. Sehubungan itu, komitmen dan sokongan padu Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri amatlah penting untuk merealisasikan agenda pembangunan di negeri ini.
48. Walaupun Kerajaan Negeri berdepan dengan pelbagai cabaran yang mempengaruhi sumber-sumber hasil negeri, Kerajaan Negeri akan terus memperkuuh dan memaksimum kutipan hasil negeri melalui inisiatif memperkasakan kutipan ke atas semua hasil sedia ada, menambah baik kutipan cukai jualan dan mengenal pasti sumber hasil baru.

## ANGGARAN PERBELANJAAN PERBEKALAN TAHUN 2021

Datuk Speaker,

49. Bagi tujuan membiayai operasi dan pengurusan kerajaan, sebanyak **RM4,303.26 juta** dicadangkan untuk **Anggaran Perbekalan Tahun 2021**. Jumlah ini melibatkan kenaikan sebanyak **RM159.39 juta** atau **3.85 peratus** berbanding dengan anggaran asal tahun 2020 sebanyak **RM4,143.87 juta**. Jumlah ini diagih untuk tujuan pembayaran Emolumen, Perbelanjaan Berulang dan Perbelanjaan Khas.
50. Daripada jumlah keseluruhan Anggaran Perbekalan 2021, sejumlah **RM736.65 juta** disyorkan untuk **Emolumen**. Jumlah ini mencatatkan penurunan sebanyak **RM2.94 juta** atau **0.40 peratus** berbanding dengan anggaran tahun 2020 berjumlah **RM739.59 juta**. Penurunan ini melibatkan proses rasionalisasi dalam perkhidmatan awam.
51. Manakala, **Perbelanjaan Berulang** disyorkan sebanyak **RM1,602.86 juta** untuk tahun 2021. Jumlah ini melibatkan peningkatan sebanyak **RM106.98 juta** atau **7.15 peratus** berbanding anggaran tahun 2020 sebanyak **RM1,495.88 juta**. Kenaikan Perbelanjaan Berulang mengambil kira peningkatan Penyelenggaraan Landasan, Penggantian Komponen-komponen Besar Keretapi dan Perolehan Seunit Railbus; Pentadbiran Pembangunan Kemajuan Sukan; Program-program di Bawah Jabatan Kerja Raya berulang; Operasi Pengeluaran Air dan pewujudan Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sabah.
52. Bagi **Perbelanjaan Khas** pula, disyorkan sebanyak **RM1,963.76 juta** untuk tahun 2021. Jumlah ini juga meningkat sebanyak **RM55.36 juta** atau bersamaan **2.90 peratus** berbanding anggaran tahun 2020 yang berjumlah **RM1,908.40 juta**. Peningkatan Perbelanjaan Khas tahun 2021 disebabkan oleh Peruntukan Berkaitan Bantuan Pandemik COVID-19 dan Pasca COVID-19 dan Caruman Bagi Menampung Kekurangan di Bawah Kumpulan Wang Amanah.

## ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2021

Datuk Speaker,

53. **Perbelanjaan Pembangunan Negeri** merupakan sumber penting dan diperlukan untuk memacu pertumbuhan ekonomi negeri. Perbelanjaan ini diagih dan dikawal melalui Belanjawan Pembangunan. Peruntukan untuk tujuan ini diperolehi daripada caruman Anggaran Perbekalan Negeri dan juga sumber kewangan Persekutuan dalam bentuk Pemberian dan Pinjaman.
54. Bagi maksud Perbelanjaan Pembangunan, sebanyak **RM964.15 juta** dicadang diperuntukkan dalam tahun 2021. Jumlah ini merangkumi **peruntukan Kerajaan Negeri** sebanyak **RM733.10 juta** dan **peruntukan Kerajaan Persekutuan** berjumlah **RM231.05 juta**. Peruntukan Kerajaan Persekutuan ini termasuk Pembayaran Imbuhan Balik Persekutuan berjumlah **RM31.65 juta** dan Pinjaman Persekutuan sebanyak **RM199.40 juta**.
55. Selaras dengan inti pati tema Belanjawan Negeri Tahun 2021, agihan peruntukan pembangunan tahun hadapan tertumpu kepada **Sektor Ekonomi** sebagai penerima amaun terbesar iaitu sebanyak **RM475.59 juta** atau bersamaan dengan **65.0 peratus**. Ini diikuti oleh **Sektor Sosial** yang diagihkan sebanyak **RM239.86 juta** atau **33.0 peratus** dan seterusnya **Sektor Pentadbiran Am** sebanyak **RM17.65 juta** iaitu bersamaan **2.0 peratus** daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan untuk tahun 2021.
56. Untuk makluman, dalam tempoh RMKe-12 iaitu tempoh tahun 2021 hingga 2025, Kerajaan Negeri telah meluluskan siling peruntukan pembangunan sebanyak **RM4,217.56 juta** bagi membiayai sebanyak **764 projek pembangunan**. Daripada jumlah projek yang diluluskan, sebanyak **182 buah projek** merupakan **projek sambungan**, dan **582 projek** lagi adalah **projek baharu**.

## PEMBANGUNAN SEKTOR-SEKTOR PERTUMBUHAN

**Datuk Speaker,**

57. Strategi dan pendekatan untuk merancakkan pembangunan akan tertumpu kepada pertumbuhan sektor-sektor produktif negeri yang utama iaitu pertanian, perindustrian dan pelancongan. Pada tahun 2021, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak **RM931.21 juta** bagi pembangunan ketiga-tiga sektor tersebut. Jumlah tersebut adalah **RM34.89 juta** atau bersamaan **3.89 peratus** lebih tinggi berbanding peruntukan tahun 2020 iaitu sebanyak **RM896.32 juta**.

## SEKTOR PERTANIAN

**Datuk Speaker,**

58. Kerajaan Negeri mengiktiraf peranan penting sektor pertanian dalam menyediakan bahan makanan kepada penduduk, peluang perniagaan dan pekerjaan serta sumber bahan mentah kepada sektor pembuatan. Justeru, sebanyak **RM560.39 juta** diperuntukan kepada sektor pertanian.
59. Kementerian Pertanian dan Perikanan (MAF) akan terus memberikan tumpuan kepada pengeluaran tanaman makanan, pensijilan ladang, penyelidikan dan inovasi pertanian, penguatkuasaan kuarantin dan pemerkasaan usahawantani. Fokus akan melibatkan usaha meningkatkan tahap sara diri beras, menambah baik mekanisma pelaksanaan projek, mengutamakan industri hiliran, meningkatkan eksport, meningkatkan pendapatan kerajaan, merancakkan penglibatan pelabur swasta, memperkasa penglibatan pemain industri pertanian dan penggunaan teknologi moden. Justeru itu, sejumlah **RM72.35 juta** diperuntukkan kepada MAF untuk perbelanjaan perbekalan bagi tujuan ini.

60. Jabatan Pertanian diperuntukkan sebanyak **RM113.15 juta** untuk tujuan perbelanjaan perbekalan dan pembangunan, termasuk. **RM32.68 juta** untuk melaksanakan projek pembangunan. Pengeluaran beras terus dipergiat melalui peningkatan keluasan penanaman padi bagi menampung keperluan beras dalam negeri. Di samping itu, tumpuan diberikan terhadap penanaman buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman kontan dan kelapa untuk menjana pendapatan golongan petani daripada RM2,000.00 kepada RM4,000.00 sebulan.
61. Bagi meningkatkan lagi pengeluaran makanan berdasarkan ternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) akan terus memberi fokus kepada pengeluaran ternakan ruminan iaitu lembu, kerbau dan kambing bebiri serta pengeluaran susu segar. Peruntukan sebanyak **RM71.03 juta** akan diagihkan kepada jabatan tersebut. Daripada jumlah itu, sebanyak **RM16.36 juta** digunakan bagi melaksanakan 43 projek pembangunan yang baharu dan satu projek sambungan.
62. Manakala, Korporasi Pembangunan Desa (KPD) akan menerima peruntukan perbekalan dan pembangunan sebanyak **RM18.57 juta**. KPD akan melaksanakan **27 projek pembangunan** melibatkan 2,005 peserta di luar bandar. Sistem Perladangan Kontrak dikekalkan sebagai strategi utama bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dan membantu menjana pendapatan tambahan untuk para peserta yang terlibat.
63. Sektor Perikanan dan Akuakultur amat penting dalam meningkatkan ekonomi Sabah. Justeru, peruntukan perbekalan dan pembangunan akan diagihkan kepada Jabatan Perikanan dan Ko-Nelayan iaitu masing-masing berjumlah **RM35.60 juta** dan **RM15.65 juta**. Antara sasaran adalah untuk meningkatkan pengeluaran hasil ikan ke tahap optima dan memperhebatkan pengeluaran hasil akuakultur rumpai laut dan ikan hiasan.

64. Ko-Nelayan pula akan melaksanakan Program Pembangunan Infrastruktur Perikanan, Program Pembangunan Kelestarian Perikanan dan Program Pembangunan Akuakultur yang akan melibatkan peruntukan sebanyak **RM6.65 juta**.
65. Bagi tanaman komoditi getah, Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) akan meneruskan pelaksanaan Program *High Impact Project* (HIP) Tanam Baru dan Tanam Semula Berkelompok yang telah berupaya menghasilkan eksport getah Negeri Sabah sebanyak 23,538 tan dengan nilai RM123.42 juta sumbangan kepada KDNK Sabah setakat bulan Ogos 2020. Justeru, peruntukan sebanyak **RM15.20 juta** akan diagihkan untuk membantu melicinkan peranan LIGS tersebut.
66. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berperanan penting dalam pengurusan sumber air, penyediaan infrastruktur pembangunan padi dan tebatan banjir. Bagi tujuan ini, sebanyak **RM115.53 juta** diperuntukkan bagi tujuan perbelanjaan perbekalan dan pembangunan, termasuk **RM22.33 juta** bagi aspek pengurusan dan pembangunan tebatan banjir, sungai dan pantai. Manakala, sebanyak **RM3.2 juta** diperuntukkan bagi membangunkan beberapa kemudahan pengairan dan saliran di Daerah Keningau dan Beaufort. Selebihnya, sejumlah **RM103.30 juta** diperuntukkan kepada Kementerian Kewangan, Jabatan Perhutanan, Jabatan Tanah dan Ukur, SAFODA dan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (SLDB) untuk kerja-kerja berkaitan pertanian dan pembangunan tanah.

## SEKTOR PERINDUSTRIAN

### Datuk Speaker,

67. Pada tahun 2019, sektor pembuatan merekodkan pertumbuhan **negatif 0.6 peratus** berbanding **2.4 peratus** pada tahun 2018. Dari segi sumbangan sebenar kepada KDNK, sumbangan sektor pembuatan turut terjejas dari **RM6.51 billion** atau **7.7 peratus** pada tahun 2018 kepada **RM6.47 billion**

atau **7.6 peratus** pada tahun 2019. Sebahagian besar pertumbuhan melibatkan kumpulan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan serta pemprosesan makanan yang menyumbang **68.9 peratus** kepada sektor pembuatan.

68. Kemelut ekonomi global tidak menjadikan prospek Sabah sebagai destinasi pelaburan yang menarik. Aliran masuk dana pelaburan domestik dan asing dalam sektor pembuatan pada tahun 2019 telah meningkat dengan ketara kepada **RM6.48 bilion** berbanding **RM0.23 bilion** pada tahun sebelumnya.
69. Bagi suku pertama tahun 2020, nilai pelaburan yang telah diluluskan adalah sebanyak **RM11.7 bilion**. Ini membuktikan Sabah terus kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik bagi pelabur-pelabur asing. Kerajaan Negeri telah mensasarkan pertumbuhan sektor ini pada kadar **17.0 peratus** setahun dengan unjuran sumbangan kepada KDNK sebanyak **35.0 peratus** menjelang tahun 2030.
70. Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak **RM142.85 juta** untuk pembangunan sektor perindustrian dan perdagangan di bawah Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Perindustrian, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Jabatan Ketua Menteri pada tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM49.35 juta** diperuntukkan kepada Kementerian Pembangunan Perindustrian (KPP) termasuk Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan untuk melaksanakan pelbagai program. Antara program terlibat adalah pembangunan infrastruktur perindustrian, keusahawanan, promosi pelaburan, dan usaha-usaha untuk meningkatkan daya saing industri dengan memanfaatkan kemajuan *Industry Revolution (IR) 4.0*.

71. Bantuan Industri Kecil dan Sederhana (BAIKS) sebanyak **RM10.0 juta** telah diperuntukkan untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran, peningkatan kualiti dan kuantiti, promosi produk yang memberikan manfaat kepada 1079 usahawan. Bagi membantu IKS yang terkesan dengan pandemik COVID-19, sebanyak **RM20.0 juta** telah diperuntukkan pada tahun ini untuk usahawan mikro dan kotej yang berpendapatan tahunan RM50 ribu ke bawah. Seramai 20,000 usahawan bakal mendapat manfaat daripada bantuan ini.
72. Kerajaan juga meneruskan bantuan Program Pembangunan Usahawan Desa demi untuk meningkatkan kemahiran dan kualiti produk tempatan melalui KPLB dengan peruntukan sebanyak **RM2.0 juta** pada tahun hadapan. Selebihnya, iaitu sebanyak **RM71.50 juta** diperuntukkan di bawah Kementerian Kewangan dan Jabatan Ketua Menteri.

## SEKTOR PELANCONGAN

**Datuk Speaker,**

73. Pandemik COVID-19 bermula awal tahun ini telah memberikan impak yang sangat besar terhadap industri pelancongan. Penurunan sebanyak **66.2 peratus** kedatangan pelancong ke Sabah 7 bulan pertama tahun ini telah menyebabkan anggaran pendapatan pelancongan (*tourism receipts*) berkurang sebanyak **69.7 peratus** iaitu **RM3.6 bilion** berbanding dalam tempoh yang sama tahun 2019. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan terus komited membantu dan mengatur strategi dalam merangsang kembali sektor pelancongan melalui beberapa program dan pembangunan seiring dengan hala tuju di bawah RMKe-12.

74. Sejumlah **RM227.97 juta** akan diperuntukkan kepada Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KePKAS) beserta jabatan dan agensi di bawahnya untuk merangsang kembali sektor pelancongan. Pelbagai program dan pembangunan pelancongan akan giat dijalankan sebagai usaha untuk mengembalikan sektor pelancongan di landasan yang disasarkan oleh Kerajaan Negeri.
75. Kedatangan pelancong pada tahun 2021 dianggarkan seramai **1.3 juta** dengan jangkaan anggaran pendapatan pelancongan bakal diterima ialah sebanyak **RM2.51 billion**. Walau bagaimanapun, anggaran ini tertakluk kepada faktor pembukaan semula sempadan negeri Sabah kepada para pelancong. Selain itu, KePKAS akan melipat gandakan usaha untuk menarik semula syarikat-syarikat penerbangan yang telah menghentikan laluan antarabangsa tanpa henti dan sewa khas ke Sabah apabila sempadan antarabangsa dibuka semula.
76. Sejumlah **RM130.36 juta** diperuntukkan kepada KePKAS termasuk **RM16.55 juta** diperuntukkan kepada Jabatan Muzium. Daripada jumlah itu, sebanyak **RM17.02 juta** adalah di bawah Pembangunan Pelancongan Luar Bandar sebagai fokus utama Kementerian di bawah RMKe-12. Manakala, program-program pemeliharaan dan pemuliharaan serta dokumentasi khazanah warisan dan budaya akan tetap diteruskan untuk memastikan ia terus disimpan, dimanfaat dan dikenalkan sehingga ke generasi akan datang.
77. Keunikan Sabah dengan kepelbagaian warisan budaya unik 35 etnik dan 217 subetnik perlu dipelihara sebagai lambang ketamadunan masyarakat negeri ini. Oleh itu, peruntukan sebanyak **RM9.50 juta** diagihkan kepada Lembaga Kebudayaan Sabah dan sejumlah **RM1.60 juta** diperuntukkan sebagai bantuan kepada persatuan dan kegiatan kebudayaan, kesenian dan bahasa. Dalam RMKe-12, Pelan Induk Pembangunan Kebudayaan Negeri Sabah bagi tempoh 10 tahun akan dilaksanakan sebagai usaha memartabatkan dan memelihara warisan ke peringkat yang lebih tinggi. Selain itu, Pembangunan Sistem Pemetaan Budaya (*Cultural Mapping System*) yang akan memuatkan data

budaya etnik di seluruh Sabah secara bersepadu akan dibangunkan menerusi platform digital pada tahun 2021.

78. Sabah sememangnya terkenal dengan kekayaan flora dan fauna. Ini secara langsung menjadi tarikan dan tonggak utama sektor pelancongan negeri. Sehubungan itu, sebanyak **RM60.97 juta** diperuntukkan kepada Jabatan Hidupan Liar, Taman-Taman Sabah dan Jabatan Perlindungan Alam Sekitar. Di samping itu, sebanyak **RM97.60 juta** juga akan diperuntukkan kepada jabatan dan agensi lain yang turut menyumbang kepada pembangunan sektor pelancongan seperti Jabatan Perhutanan dan Pusat Biodiversiti Sabah.

## PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

**Datuk Speaker,**

79. Kemudahan infrastruktur dan utiliti yang mencukupi dan efisien amat penting dan diperlukan dalam meningkatkan produktiviti, pertumbuhan ekonomi negeri dan kesejahteraan hidup rakyat. Setakat ini, Sabah masih lagi berhadapan dengan isu-isu kekurangan jaringan liputan dan kemudahan awam yang berkualiti serta *reliable*. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri akan melaksanakan dasar untuk terus memberi keutamaan kepada pembangunan infrastruktur dan utiliti dalam tempoh RMKe-12 selaras dengan Pelan Sabah Maju Jaya.
80. Untuk tujuan itu, jabatan dan agensi di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) telah diagihkan siling peruntukan yang tertinggi iaitu sebanyak **RM1,390.76 juta** atau **32.98 peratus** daripada jumlah keseluruhan siling Program Pembangunan Biayaan Kerajaan Negeri dalam RMKe-12 yang berjumlah **RM4,217.56 juta**.

81. Pada tahun 2021, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah **RM1,117.7 juta** kepada sektor kemudahan awam dan infrastruktur sokongan. Daripada jumlah tersebut, KKR beserta jabatan dan agensi di bawahnya diperuntukkan sebanyak **RM762.01 juta** untuk tujuan operasi, perbelanjaan berulang, pembaikan dan penyelenggaraan. Manakala, sebanyak **RM231.49 juta** diperuntukkan untuk pembangunan. KKR sendiri akan diperuntukkan sejumlah **RM9.88 juta**.
82. Secara keseluruhan, Jabatan Kerja Raya diagihkan sebanyak **RM292.75 juta** daripada peruntukkan perbekalan dan pembangunan pada tahun 2021 bagi melaksanakan program-program bina baru dan penyelenggaraan, baik pulih dan naik taraf jalan raya, cerun, jambatan, bangunan-bangunan serta lain-lain aset Kerajaan Negeri termasuk sewaan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain.

**Datuk Speaker,**

83. Kerajaan juga akan terus memberi penekanan kepada pembangunan sistem bekalan air yang cekap serta menyediakan bekalan air bersih secara mampan kepada pengguna-pengguna di Sabah, termasuk industri, komuniti peniaga dan penduduk di kawasan luar bandar. Justeru itu, Jabatan Air Negeri Sabah akan diperuntukkan sebanyak **RM529.89 juta** pada tahun 2021.
84. Bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan keretapi, sejumlah **RM81.64 juta** diagihkan kepada Jabatan Keretapi Negeri Sabah. Peruntukan ini akan dibelanjakan untuk menaik taraf dan menambah baik sistem keretapi sedia ada dan membangunkan semula landasan keretapi untuk kemudahan rakyat khususnya di kawasan pedalaman.
85. Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah memainkan peranan penting di dalam membangunkan kemudahan pelabuhan dan menyediakan perkhidmatan kawalan serta penjagaan keselamatan lalu lintas air. Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM21.59 juta** kepada jabatan ini untuk tujuan perbelanjaan perbekalan dan pembangunan.

86. Sementara itu, Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP) telah diperuntukkan sebanyak **RM57.75 juta** untuk meningkatkan perkhidmatan pembentungan. Di samping itu, sejumlah **RM124.2 juta** diperuntukkan di bawah Kementerian Kewangan untuk tujuan caruman Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Akaun Amanah Pembetungan.

## MODAL INSAN

**Datuk Speaker,**

87. Modal insan merupakan aset terbesar dan harta yang tidak ternilai. Melalui Pelan SMJ, Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan untuk memperkasa pembangunan modal insan ke arah melahirkan generasi yang kompeten, berinovasi, berdaya tahan dan berintegriti. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM429.59 juta** untuk pembangunan modal insan, termasuk keagamaan dan kemudahan serta infrastruktur sokongan berkaitan bagi tahun 2021.
88. Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha ke arah pembangunan modal insan berteraskan pendidikan Sains, Teknologi, “*Engineering*” dan Matematik (STEM) dengan peruntukan sebanyak **RM128.40 juta** sejajar dengan pelaksanaan program sains, teknologi dan inovasi.
89. Peruntukan berjumlah **RM22.96 juta** disediakan untuk pengendalian kursus dan latihan kemahiran dalam bidang teknologi, teknikal dan perdagangan. Pakej rangsangan ekonomi sebanyak **RM6.0 juta** juga akan diperuntukkan kepada Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPSM) bagi membantu belia dan beliawanis Sabah yang telah kehilangan punca pendapatan dan diberhentikan kerja akibat pandemik COVID-19.

90. Pemberian biasiswa bagi melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi akan diteruskan dengan keutamaan untuk menaja para pelajar yang mengambil kursus-kursus kemahiran dan TVET (*Technical and Vocational Education and Training*). Sebanyak **RM55.0 juta** diperuntukan bagi tujuan tersebut.
91. Perpustakaan Negeri Sabah pula diperuntukkan sebanyak **RM41.38 juta** untuk peruntukkan perbekalan dan pembangunan bagi meneruskan usaha memupuk minat membaca di kalangan masyarakat melalui Program Gerakan Membaca dan penambahan koleksi bacaan, terbitan berkala, *e-book* dan pembinaan beberapa bangunan baharu Perpustakaan Cawangan.
92. Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan program-program keagamaan melalui penyaluran peruntukkan perbekalan dan pembangunan sebanyak **RM120.85 juta** kepada Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam, Majlis Ugama Islam Sabah, dan Perbadanan Baitulmal bagi pembangunan prasarana dan kemudahan seperti Kompleks Islam, masjid, surau, tadika dan sekolah-sekolah agama serta rumah-rumah anak yatim. Sementara itu, sejumlah **RM43.0 juta** diperuntukkan untuk pembangunan badan-badan keagamaan, sekolah-sekolah persendirian bukan Islam dan sekolah-sekolah Mubaligh.
93. Kerajaan mengambil berat terhadap bebanan para ibu bapa daripada kalangan M40 dan B40 dalam membiayai perbelanjaan pendidikan anak mereka. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak **RM12.0 juta** pada tahun hadapan sebagai bantuan kepada anak-anak Sabah yang akan melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan pelajar Tingkatan 5 dan Tingkatan 6 yang akan menghadapi peperiksaan. Bantuan ini melibatkan dua kategori, pertama, Bantuan Tunai Pendaftaran IPT (BUDI) secara *one-off* berjumlah RM2,000.00 seorang untuk kemasukan kali pertama ke IPT. Kedua, RM200.00 seorang untuk Bantuan Khas Tunai Peperiksaan (BAKTI) bagi pelajar yang akan menduduki SPM, semester akhir STPM dan STAM bagi penghujung tahun 2021. Ini merupakan inisiatif baharu Kerajaan Negeri sebagai manifestasi harapan tinggi kita kepada generasi muda yang akan mencorakkan masa depan negeri. Kepada anak-anak muda Sabah:

*Dari kecil ilmu diajari,  
Besarnya biar bijak bistari,  
Kelak taburlah BUDI dan BAKTI,  
Kepada bangsa serta pertiwi.*

## PEMBANGUNAN ICT

**Datuk Speaker,**

94. Adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk melahirkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang termasuk ICT. Sehubungan itu, sebanyak **RM76.94 juta** diperuntukkan bagi latihan, kursus dan pembangunan ICT. Ini termasuklah peruntukan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sebanyak **RM35.19 juta** dan Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah berjumlah **RM24.25 juta**. Selebihnya sebanyak **RM17.50 juta** diperuntukan di bawah Kementerian Kewangan dan Jabatan Ketua Menteri. Peruntukan ini akan dibelanjakan untuk meneruskan agenda pembangunan Kerajaan Elektronik (*e-Government*), Program Kreatif Inovasi dan Program Pembangunan IT.
  
95. Inisiatif-inisiatif ini merupakan tambahan kepada usaha Kerajaan Persekutuan menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) untuk meningkatkan jaringan infrastruktur liputan jalur lebar berkelajuan tinggi termasuk di kawasan luar bandar Sabah. Sebanyak 190,115 premis di Sabah akan disediakan dengan perkhidmatan berkelajuan Gigabit melalui peluasan rangkaian gentian optik. Bagi perkhidmatan jalur lebar mudah alih, sebanyak 425 menara baharu akan dibina, manakala sebanyak 2,202 alat pemancar komunikasi sedia ada akan dinaik taraf kepada teknologi 4G. Kesemua inisiatif ini yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2.5 billion akan dilaksanakan secara berperingkat sehingga tahun 2022.

## PEMBANGUNAN BANDAR

Datuk Speaker,

96. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan pembangunan wilayah yang inklusif, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) serta agensi di bawahnya termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terus komited dalam merancang, mengurus dan memperkasa kualiti perkhidmatan demi mensejahterakan hidup rakyat di kawasan bandar dan pekan. Justeru itu, sejumlah **RM169.32 juta** diagihkan bagi tujuan tersebut. Daripada jumlah itu, KKTP akan diperuntukkan sebanyak **RM135.69 juta** bagi tujuan perbelanjaan perbekalan dan pembangunan yang merangkumi sejumlah **RM36.53 juta** bayaran caruman kepada kuasa-kuasa tempatan dan sejumlah **RM25.5 juta** diagihkan kepada 24 PBT sebagai pemberian kapital bagi penyediaan pelbagai kemudahan awam.
97. Setakat ini, terdapat dua Pelan Tempatan yang telah diwartakan iaitu Pelan Tempatan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan Pelan Tempatan Majlis Perbandaran Sandakan (MPS). Pada tahun 2021, KKTP merancang untuk membangun pelan tambahan dengan peruntukan sebanyak **RM750 ribu**. Sebanyak **RM4.0 juta** telah disediakan bagi memastikan perancangan kerajaan untuk terus memacu dan membolehdaya pertumbuhan ekonomi di Pekan-Pekan Baharu dapat direalisasikan.
98. Bagi memantapkan lagi aspek pengurusan dan pembangunan dalam kawasan Bandaraya Kota Kinabalu sebagai ibu negeri, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan geran dan peruntukan pembangunan sebanyak **RM33.63 juta** kepada DBKK.

## PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

**Datuk Speaker,**

99. Kerajaan Negeri menekankan pembangunan yang lebih seimbang antara wilayah termasuk di antara kawasan bandar dan luar bandar. Ini penting di dalam memastikan kemakmuran negeri dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Bagi meningkatkan taraf hidup penduduk dan pembangunan di kawasan luar bandar, sebanyak **RM225.45 juta** diperuntukkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) untuk tujuan perbelanjaan perbekalan dan pembangunan pada tahun 2021.
100. Dalam tempoh RMKe-12, sebanyak **RM125.5 juta** daripada siling berjumlah **RM663.1 juta** telah diluluskan kepada KPLB untuk tahun hadapan bagi meneruskan program sedia ada termasuklah projek-projek pembasmian kemiskinan seperti Program Mini Estet Sejahtera (MESEJ) Pertanian dan Akuakultur, Program Ameniti dan Ekonomi Desa, Program Satu Daerah Satu Produk, Program Pembangunan Usahawan Desa, Program Bekalan Air Luar Bandar Alternatif, Program Bekalan Elektrik Luar Bandar Alternatif, dan Program Aktiviti Ekonomi Tambahan.

## KESEJAHTERAAN DAN KEBAJIKAN RAKYAT

**Datuk Speaker,**

101. Pada tahun 2021, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah **RM132.47 juta** kepada Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat (KPMKR) untuk tujuan perbelanjaan perbekalan dan pembangunan. Daripada jumlah itu, sebanyak **RM3.2 juta** diperuntukkan kepada Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah (MPMS) bagi meningkatkan gerak kerja sukarela kebajikan dan standard kerja sosial. MPMS juga telah membantu masyarakat rentan dan kurang berasib baik dalam bantuan bakul makanan semasa pandemik COVID-19.

102. Sejumlah **RM104.3 juta** diperuntukkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah, termasuk pemberian bantuan kebajikan berjumlah **RM60.0 juta** yang dijangka akan memberi manfaat kepada seramai 25,000 orang penerima. Penerima terdiri daripada kalangan Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas dan ibu tunggal di seluruh Negeri.
103. Dalam RMKe-12, Kerajaan Negeri telah menyediakan siling peruntukan sebanyak **RM58.20 juta** kepada Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am bagi pembinaan kemudahan kepada warga emas dan OKU yang memerlukan perlindungan secara sementara ataupun berterusan. Daripada jumlah tersebut, peruntukan sebanyak **RM22.7 juta** adalah untuk membina sebuah Kompleks Bersepadu Orang Kurang Upaya (OKU) dan Warga Emas sebagai pusat hub perniagaan untuk OKU serta pusat jagaan warga emas berbayar. Sebanyak **RM8.45 juta** daripada siling peruntukan tersebut diperakukan pada tahun 2021.
104. Program Bantuan Sosial Sekolah akan dilaksanakan melibatkan peruntukan berjumlah **RM13.9 juta**. Ia melibatkan pengagihan pakaian seragam, kasut sekolah dan alat tulis kepada 1,074 Sekolah Rendah yang bertujuan untuk meringankan bebanan isi rumah berpendapatan rendah dan miskin dalam mengurus perbelanjaan persekolahan.

## **WANITA, BELIA DAN SUKAN**

### **Datuk Speaker,**

105. Kaum **wanita** memainkan peranan penting dalam pembangunan keluarga dan masyarakat. Kaum wanita juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri dan negara. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan memberi perhatian serius terhadap kebajikan kaum wanita dan memastikan golongan ini mendapat peluang dan faedah daripada pembangunan. Dengan hasrat ini, sebanyak **RM15.66 juta** diperuntukkan untuk program pembangunan wanita. Ini

termasuk peruntukan di bawah Yayasan Usaha Maju (YUM) berjumlah **RM9.80 juta** yang melibatkan pengurusan operasi dan penyediaan kemudahan pinjaman mikro kepada golongan wanita dan sebanyak **RM5.86 juta** kepada Jabatan Hal-Ehwal Wanita (JHEWA) Sabah bagi tujuan pelbagai program dan kursus kemahiran kepada para ibu tunggal dan wanita dalam golongan miskin.

106. Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha ke arah pembangunan **belia**. Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KBS) diperuntukkan sebanyak **RM106.70 juta** bagi perbelanjaan perbekalan dan pembangunan. Daripada jumlah itu, sebanyak **RM13.84 juta** diperuntukkan untuk melaksanakan program pembangunan belia dan sukan. Perancangan strategik akan dikendalikan bersama Lembaga Sukan Negeri Sabah, Majlis Sukan Negeri Sabah dan Majlis Belia Sabah.
107. Dalam usaha mengangkat imej Negeri Sabah di persada dunia, **sukan** merupakan salah satu pemangkin penting. Justeru, KBS diberikan peruntukan sebanyak **RM46.72 juta** untuk pembangunan sukan. Prasarana dan fasiliti sukan akan ditambah baik termasuk projek pembinaan Kompleks Sukan Kota Marudu dan Kompleks Sukan Tuaran.

## **BADAN BERKANUN DAN AGENSI AWAM**

### **Datuk Speaker,**

108. Badan-Badan Berkanun dan Agensi Awam Negeri memainkan peranan penting dalam pertumbuhan sosio-ekonomi rakyat di samping membantu pelaksanaan dasar dan program kerajaan mengikut amalan tadbir urus yang baik. Kerajaan Negeri akan terus komited dalam membantu dan menambah baik keupayaan dan daya saing Badan-Badan Berkanun dan Agensi Awam Negeri untuk mencapai objektif penubuhannya. Adalah digesa supaya Badan-Badan Berkanun dan Agensi Awam Negeri terus berusaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan Negeri dan menyumbang kepada hasil negeri.

109. Sebagai langkah ke hadapan, Kerajaan Negeri melaksanakan pendekatan baharu untuk menilai prestasi tahunan Badan-Badan Berkanun dan Agensi Awam melalui kemampuan menyumbang kepada hasil negeri. Bermula pentadbiran kerajaan baharu, pelbagai siri rundingan telah dilaksanakan untuk meletakkan tanggungjawab membayar dividen dan pinjaman sebagai keutamaan setiap badan berkanun dan agensi awam. Alhamdulillah, bagi tahun 2020, Kerajaan Negeri telah menerima dividen daripada Badan-Badan Berkanun dan Agensi Awam Negeri sebanyak **RM100.0 juta** berbanding hanya **RM59.6 juta** pada tahun 2019.
110. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Badan-Badan Berkanun dan Agensi Awam Negeri yang telah merekodkan keuntungan dan memberikan dividen kepada Kerajaan iaitu Sabah Development Berhad., Sabah Credit Corporation, Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd., Sawit Kinabalu Sdn. Bhd., Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd., Progressive Insurance Bhd., Desa Group of Companies, Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn. Bhd. dan Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd.(SAFMA) Terima kasih juga kepada Sabah Economic Development Corporation (SEDCO), Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), Sabah Air Aviation Sdn. Bhd., Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan SAFMA kerana telah membayar balik pinjaman tahunan kepada Kerajaan Negeri berjumlah **RM21.9 juta**. Tidak dilupakan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada agensi-agensi yang telah memberikan sumbangan untuk COVID-19.

## PENJAWAT AWAM

### Datuk Speaker,

111. Perkhidmatan Awam merupakan nadi Kerajaan Negeri. Kerajaan perlu memastikan perkhidmatan awam negeri berfungsi pada tahap kecekapan yang tertinggi pada setiap masa dan mampu menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua lapisan masyarakat.

112. Sejajar dengan aspirasi Perkhidmatan Awam Negeri untuk menyediakan keperluan sumber manusia masa hadapan, Kerajaan Negeri sentiasa memberikan keutamaan terhadap pembangunan keupayaan dan kompetensi sumber manusia. Usaha pendigitalan perkhidmatan awam dan ekonomi digital akan menjadi fokus utama pada tahun mendatang. Rasionalisasi agensi-agensi Kerajaan Negeri akan terus dilaksanakan bagi memastikan keberhasilan dan keberkesanan sistem penyampaian kerajaan.
113. Sehingga November 2020, jumlah anggota perkhidmatan awam negeri yang menerima manfaat peningkatan kerjaya adalah seramai **762 orang**. Jumlah tersebut merupakan **5.26 peratus** daripada **14,492 kapasiti** anggota perkhidmatan awam negeri di Kementerian, Jabatan dan Pejabat Daerah. Program peningkatan kerjaya anggota Perkhidmatan Awam ini akan diteruskan pada tahun hadapan.
114. Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk memberikan pengiktirafan kepada sumbangan dan peranan penting para penjawat awam di semua peringkat. Sebagai penghargaan, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberikan bantuan khas sebanyak **RM600.00** kepada semua penjawat awam negeri yang akan dibayar pada bulan Januari 2021 yang melibatkan peruntukan sejumlah **RM8.7 juta**. Saya berharap agar insentif ini akan memberi suntikan semangat kepada para penjawat awam negeri untuk berusaha lebih gigih demi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat. Pada masa yang sama, adalah diharapkan perkhidmatan awam dapat terus berfungsi dengan berkesan melalui strategi dan pendekatan normal baharu yang bersesuaian serta mematuhi tuntutan norma baharu dalam tempoh penularan pandemik COVID-19.

## MENANGANI PANDEMIK COVID-19

Datuk Speaker,

115. Pandemik COVID-19 telah membawa bersama implikasi besar buat semua. Perjuangan untuk menangani cabaran luar biasa ini masih jauh dan penuh berliku. Alhamdulillah, sepanjang tempoh pandemik ini, kita berupaya untuk teguh bersama menempuhinya berkat kerjasama semua pihak dan pastinya dengan iltizam tinggi kepimpinan negara untuk memeranginya.
116. Bagi pihak Kerajaan Negeri dan seluruh rakyat di Sabah, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan Perikatan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Hj Muhyiddin bin Hj Mohd Yassin. Penghargaan tinggi wajar diberikan kepada Kerajaan Persekutuan yang telah banyak membantu negeri dan masyarakat Sabah dalam mengharungi perit getir pandemik ini.
117. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan **RM50.0 juta** kepada Kerajaan Negeri melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) pada 26 Oktober 2020. Dana ini digunakan untuk penyediaan keperluan Petugas-Petugas Barisan Hadapan (*frontliners*); penyediaan kelengkapan peralatan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC); dan penyediaan keperluan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah di seluruh negeri Sabah.
118. Dana ini juga merupakan tambahan kepada bantuan awal yang telah diterima Kerajaan Negeri di awal tempoh penularan pandemik yang berjumlah **RM12.0 juta** dan telah disalurkan kepada Tabung Bencana Negeri Sabah. Sumbangan dalam bentuk peralatan seperti PPE dan bantuan bakul makanan juga telah disalurkan ke Sabah melalui agensi persekutuan. Di samping itu, sejumlah **RM5.0 juta** telah diperuntukkan untuk Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 bagi membantu merangsang ekonomi negeri.

119. Setakat November 2020, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyalurkan peruntukan sebanyak **RM157.63 juta** dan peralatan kesihatan sepanjang tempoh pandemik melalui Jabatan Kesihatan Sabah. Mobilisasi tambahan anggota pakar perubatan dan petugas-petugas kesihatan ke Hospital-Hospital COVID-19 di Sabah telah dilaksanakan untuk memenuhi keperluan mendesak di negeri ini.
120. Kerajaan Persekutuan juga telah membantu menubuhkan Hospital Medan oleh Angkatan Tentera Malaysia di Kompleks Sukan Tawau dan bantuan dalam pengurusan Pusat-Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) di seluruh Negeri Sabah.

**Datuk Speaker,**

121. Pelbagai inisiatif lain di peringkat Persekutuan telah banyak memberikan manfaat secara langsung kepada masyarakat di Sabah. Setakat Oktober 2020, antara manfaat secara langsung yang telah diterima oleh rakyat di Sabah adalah:
- i. Bantuan Sara Hidup (BSH 2020) yang melibatkan seramai 406,000 penerima melibatkan peruntukan sebanyak **RM474.0 juta**;
  - ii. Bantuan Prihatin Nasional (BPN) yang memanfaatkan 904,567 penerima dengan jumlah peruntukan **RM983.34 juta**;
  - iii. Sebanyak 19,671 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) telah menerima bantuan Geran Khas Prihatin melibatkan peruntukan **RM59.01 juta**;
  - iv. Sebanyak 17,144 majikan di Sabah telah menerima manfaat Program Subsidi Upah bagi mengekalkan seramai 134,867 pekerja dengan bayaran sebanyak **RM571.28 juta**; dan
  - v. Seramai 113,942 orang petugas *frontliners* di Sabah telah menerima Elaun Khas COVID-19 bernilai **RM42.85 juta**.

122. Di pihak Kerajaan Negeri, antara inisiatif dan bantuan yang telah dilaksanakan adalah bantuan tunai kepada rakyat yang terjejas iaitu golongan miskin dan miskin tegar, orang kurang upaya (OKU), anak-anak yatim, ibu tunggal, pemandu teksi, lori dan bas, para petani, penternak, nelayan, pemandu pelancong, malim gunung, *porter*, penggiat seni, *divemaster*, penjaja dan golongan B40 yang terjejas. Selain itu, kerajaan juga telah menyalurkan bantuan bakul makanan, penepian lesen penjaja, pengecualian sewa gerai penjaja, pengecualian sewa rumah PPR, diskaun bil elektrik kepada pengguna domestik, Skim Pinjaman Mikro Kredit dan dana IKS. Bagi tahun 2021, sebanyak **RM200.00 juta** telah diperuntukkan di bawah Kementerian Kewangan untuk insiatif berkaitan COVID-19.

**Datuk Speaker,**

123. Kerajaan Negeri ingin merakamkan ucapan terima kasih buat semua pihak termasuk pihak swasta dan korporat, NGO dan individu yang telah memberikan sumbangan dalam apa jua bentuk dalam kita menangani pandemik COVID-19 di Negeri Sabah. Saya juga ingin mengajak Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian untuk sama-sama memberikan pengiktirafan dan penghargaan tinggi buat semua *frontliners*: petugas kesihatan iaitu para doktor, jururawat dan kakitangan sokongan perubatan; petugas keselamatan iaitu Polis, Tentera, APM, RELA, Imigresen serta para petugas kebajikan, para sukarelawan dan semua pihak yang terlibat.

*Pulau Tiga jauh ke tengah,  
Gunung Kinabalu gagah perkasa,  
Hancur badan dikandung tanah,  
Budi frontliners dikenang sentiasa.*

## PENUTUP

**Datuk Speaker,**

124. Sebelum saya mengakhiri ucapan pembentangan ini, suka saya menekankan tiga perkara utama. Pertama, Belanjawan 2021 merupakan belanjawan tahunan pertama setelah penularan pandemik COVID-19. Kedua, belanjawan ini merupakan belanjawan pertama yang dibentangkan oleh kerajaan baharu pilihan rakyat; dan ketiga, belanjawan ini juga merupakan belanjawan bagi tahun pertama pelaksanaan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya (SMJ) yang akan bermula tahun hadapan.
125. Mengambil kira situasi semasa dan persiapan pasca COVID-19, belanjawan ini dirangka sejajar dengan keutamaan dalam mendepani cabaran pandemik ini untuk mencapai objektif sejajar dengan tema belanjawan iaitu **Rakyat Sejahtera, Ekonomi Mampan**. Menginsafi akan realiti sebahagian besar rakyat terbeban dengan kesan pandemik, strategi untuk membantu dan menjana semula ekonomi rakyat akan menjadi tumpuan khusus. Selain itu, usaha berterusan digerakkan untuk meningkatkan akses kepada kemudahan infrastruktur utama untuk membina kehidupan rakyat yang lebih sejahtera.
126. Menyedari akan hakikat kesan pandemik yang telah menjelaskan kedudukan ekonomi negeri, usaha merangsang semula ekonomi akan dilaksanakan pada kadar segera. Ini meliputi strategi untuk memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan dimulakan dengan segera, sama ada melibatkan peruntukan Negeri, Persekutuan dan pelaburan pihak swasta. Tumpuan utama juga akan diberikan kepada pertumbuhan berasaskan kepada tiga sektor penting iaitu Pertanian, Perindustrian dan Pelancongan dengan menggerakkan pendekatan yang kondusif dengan situasi semasa dan kesan COVID-19. Kerajaan akan berusaha sebaik sahaja untuk memastikan matlamat ini direalisasikan untuk membentuk rakyat yang sejahtera dan ekonomi yang mampan.

**Datuk Speaker,**

127. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, ini merupakan belanjawan kali pertama kerajaan yang terbentuk selepas PRN Ke-16 yang telah berlangsung pada 26 September 2020. Kerajaan yang dibentuk adalah hasil kerjasama Perikatan Nasional (PN), Barisan Nasional (BN), Parti Bersatu Sabah (PBS) dan turut disertai 3 ADUN Bebas. Umum mengenali kerajaan yang dibentuk ini adalah Kerajaan Gabungan Rakyat Sabah (GRS). Hari ini, kerajaan ini adalah milik sekalian rakyat Sabah. Kerajaan ini akan menjunjung amanah rakyat, tanpa mengira perbezaan. Kerajaan ini akan berfungsi untuk melaksanakan amanah untuk membangunkan rakyat dan negeri.
128. Atas komitmen itu, saya dan seluruh saf kepimpinan kerajaan akan sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan semua pihak, atas nama kepentingan rakyat dan negeri tercinta. Dalam tempoh ini, politik khidmat bakti perlu mengatasi politik kepartian, kerana hakikatnya, kepada kita semua yang bergelar wakil rakyat disandarkan harapan menggunakan sekalian rakyat. Masa depan negeri akan ditentukan oleh peranan dan kebertanggungjawaban pemimpin hari ini. Kedudukan sebagai barisan kerajaan dan barisan pembangkang di dalam dewan ini jangan sesekali dijadikan jurang dan penghalang untuk kita sama-sama mencerah khidmat dan bakti kepada rakyat dan negeri.
129. Saya yakin sebagai anak Sabah, setiap daripada kita cintakan tanah air ini dan sanggup berkorban untuk kepentingan negeri. *Di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung.* Marilah kita bersama, berpadu tenaga untuk membangun rakyat dan tanah air milik semua.

*Yang jauh kita dekatkan,  
Yang dekat kita rapatkan,  
Yang lemah kita kuatkan,  
Yang kurang kita lebihkan,  
Yang kabur kita cerahkan.  
Marilah kita bersatu,  
Yang keruh kita jernihkan,*

*Yang salah kita perbetulkan,  
Yang palsu kita tangkis,  
Yang fitnah kita tepis,  
Yang condong kita luruskan, dan akhirnya;  
Yang kuat kita perkukuhkan.*

130. *Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat.* Inilah nilai dan makna keterbukaan atas semangat kekitaan dan kecintaan kepada tanah air. Moga tuhan dapat menyatukan hati kita sekalian bangsa sentosa untuk bekerjasama dan bekerja keras demi kemakmuran rakyat, kemajuan Negeri Sabah dan kelestarian Persekutuan Malaysia.
131. Saya mengajak Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menyokong Belanjawan Tahun 2021 yang dibentangkan sebagai belanjawan pertama untuk kita merintis pelaksanaan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya.
132. Hasrat kita adalah untuk melihat, bukan sahaja negeri ini maju, tetapi rakyatnya juga berkemajuan. Matlamat kita adalah untuk memastikan nilai dan makna pembangunan itu bukan sahaja didengar, tetapi dapat dilihat dan dirasai oleh sekalian rakyat. Kepada Allah SWT kita berserah dan kepada-NYA jua, kita memohon bantuan dan pertolongan.
133. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat menyambut perayaan Hari Krismas kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, penjawat awam dan warga Sabah yang beragama Kristian dan selamat menyambut Tahun Baharu 2021 kepada seluruh rakyat di Sabah. Semoga Tahun Baharu 2021 memberi kita kehidupan yang sejahtera dan kemampunan ekonomi demi merealisasikan agenda Sabah Maju Jaya.

**Datuk Speaker,**

Saya mohon mencadang.

BELANJAWAN  
**2021**  
SABAH MAJU JAYA

BELANJAWAN 2021 - BAJET PERTAMA PELAN  
PEMBANGUNAN SABAH MAJU JAYA (PELAN SMJ)



- Sabah Maju Jaya yang merupakan slogan Jata Negeri sejak sekian lama telah diangkat sebagai nama pelan pembangunan 2021 - 2025, untuk membawa citra inklusiviti, pemilikan bersama dan kebertanggungjawaban setiap anak Sabah untuk menjayakan agenda pembangunan negeri.
- Pelan SMJ akan dibentangkan pada bulan Januari 2021 dan akan bergerak seiring dengan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB)

*Ucapan Belanjawan  
18 Dis 2020*

**YAB. DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI HAJI NOOR**  
KETUA MENTERI MERANGKAP MENTERI KEWANGAN SABAH

BELANJAWAN  
**2021**  
SABAH MAJU JAYA

PENUBUHAN  
MAJLIS PENASIHAT EKONOMI SABAH  
(SEAC)



- Pelaksanaan Pelan Sabah Maju Jaya (Pelan SMJ) juga akan didokong oleh penglibatan pihak swasta melalui penubuhan SEAC.
- Peranan utama SEAC adalah untuk menarik dan membawa pelaburan dari luar ke dalam Negeri Sabah kerana kita yakin peningkatan kemasukan pelaburan berupaya melonjakkan pembangunan negeri.

*Ucapan Belanjawan  
18 Dis 2020*

**YAB. DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI HAJI NOOR**  
KETUA MENTERI MERANGKAP MENTERI KEWANGAN SABAH

# BELANJAWAN 2021 - SURPLUS BUDGET

BELANJAWAN  
**2021**  
SABAH MAJU JAYA



ANGGARAN HASIL  
PERBELANJAAN

RM  
4,303.26  
juta

ANGGARAN HASIL  
PERBELANJAAN

RM  
4,481.96  
juta

ANGGARAN PERBELANJAAN  
LEBIHAN

RM  
178.70  
juta

# SEKTOR PERTANIAN

BELANJAWAN  
**2021**  
SABAH MAJU JAYA

**RM 72.35 juta**  
Perbekalan Kementerian  
Pertanian & Perikanan

**RM113.15 juta**  
Jabatan Pertanian

**RM 35.60 juta**  
Jabatan Perikanan

**RM 15.65 juta**  
Ko-Nelayan

**RM 18.57 juta**  
Koperasi Pembangunan  
Desa

**RM 74.9 juta**  
Pembangunan sektor pertanian  
melalui Kementerian Kewangan,  
Jabatan Perhutanan,  
Jabatan Tanah & Ukur,  
SAFODA & SLDB

**RM 15.20 juta**  
Lembaga Industri Getah Sabah

**RM 115.53 juta**  
Jabatan Pengairan & Saliran

**RM 71.03 juta**  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar

# SEKTOR PERINDUSTRIAN

BELANJAWAN  
**2021**  
SABAH MAJU JAYA



Sasaran tahunan  
17% pertumbuhan  
sektor perindustrian

Unjuran 35%  
sumbangan kepada  
KDNK  
menjelang 2030

RM 142.85 juta  
Pembangunan  
Sektor  
Perindustrian  
& Perdagangan

## INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA

BELANJAWAN  
**2021**  
SABAH MAJU JAYA

**RM 2 juta**

Program  
Pembangunan  
Usahawan Desa.

**RM 10 juta**

Peningkatan  
pengeluaran,  
kualiti,  
kuantiti & promosi  
produk.

**RM 20 juta**

Bantuan usahawan  
mikro & kotej  
berpendapatan  
tahunan  
RM 50 ribu  
ke bawah.



# SEKTOR PELANCONGAN

BELANJAWAN  
**2021**  
SABAH MAJU JAYA

**RM 227.97 juta**

Merangsang kembali sektor pelancongan.

**RM 16.55 juta**  
Jabatan Muzium.

**RM 11.41 juta**  
Lembaga Kebudayaan Sabah.

**RM 97.60 juta**  
Pembangunan sektor pelancongan melalui pelbagai agensi.

**RM 17.02 juta**  
Pelancongan Luar Bandar.

**RM 60.97 juta**  
Jabatan Hidupan Liar, Taman-Taman Sabah & Jabatan Perlindungan Alam Sekitar.



## JARINGAN INFRASTRUKTUR & UTILITI

BELANJAWAN  
**2021**  
SABAH MAJU JAYA

**RM 292.75 juta**  
Jabatan Kerja Raya

**RM 529.89 juta**  
Jabatan Air

**RM 57.75 juta**  
Jabatan Perkhidmatan  
Pembentungan

**RM 81.64 juta**  
Jabatan Keretapi

**RM 21.59 juta**  
Jabatan Pelabuhan dan Dermaga

**RM 124.2 juta**  
Caruman Kumpulan Wang  
Penyelenggaraan Jalan Raya  
& Bekalan Air serta  
Akaun Amanah Pembentungan



## MODAL INSAN

BELANJAWAN  
**2021**  
SABAH MAJU JAYA

**RM 128.40 juta**

Pembangunan Modal Insan berteraskan pendidikan STEM.

**RM 22.96 juta**

Pengendalian kursus dan latihan kemahiran dalam bidang teknologi, teknikal & perdagangan.

**RM 55 juta**

Pemberian biasiswa khususnya dalam bidang kemahiran dan TVET.

**RM 41.38 juta**

Perpustakaan Negeri Sabah sebagai usaha memupuk amalan membaca.

**RM 12 juta**

Program BUDI & BAKTI.

**RM 13.9 juta**

Bantuan keperluan sekolah rendah - isi rumah pendapatan rendah / miskin.

**RM 6 juta**

Membantu belia kehilangan pekerjaan akibat COVID-19.

## MODAL INSAN - KEAGAMAAN

**RM 120.85 juta**

Diperuntukkan kepada **JHEAINS, MUIS** dan  
**Perbadanan Baitumal** bagi **pembangunan prasarana**  
dan **kemudahan** termasuk **kompleks Islam, masjid, surau,**  
**tadika, sekolah agama** dan **rumah anak yatim.**

BELANJAWAN  
**2021**  
SABAH MAJU JAYA



MODAL INSAN - KEAGAMAAN

**RM 43 juta**

Pembangunan  
badan keagamaan,  
sekolah persendirian  
bukan Islam &  
sekolah mualigh.

BELANJAWAN  
**2021**  
SABAH MAJU JAYA



# MODAL INSAN

BELANJAWAN  
**2021**  
SABAH MAJU JAYA

**BUDI**  
**RM 2,000**  
Seorang

BANTUAN TUNAI  
PENDAFTARAN IPT  
(Kemasukan Kali Pertama)

BANTUAN KHAS TUNAI PEPERIKSAAN  
(*SPM, Semester Akhir STPM & STAM Tahun 2021*)

**BAKTI**  
**RM 200**  
Seorang

# PEMBANGUNAN ICT

BELANJAWAN  
**2021**  
SABAH MAJU JAYA



**RM 76.94 juta**  
Latihan, kursus &  
pembangunan ICT.

**RM 17.50 juta**  
Pembangunan Kerajaan  
Elektronik (e-Government),  
Program Kreatif Inovasi &  
Program  
Pembangunan IT.

## PEMBANGUNAN BANDAR & PEKAN

BELANJAWAN  
**2021**  
SABAH MAJU JAYA

**RM 25.5 juta**

Penyediaan pelbagai kemudahan awam di 24 PBT.

**RM 33.63 juta**

Geran & peruntukan pembangunan DBKK sebagai ibu negeri.

**RM 4.0 juta**

Memacu & memboleh daya pertumbuhan ekonomi pekan-pekan baharu.

**RM 36.53 juta**

Caruman kepada kuasa-kuasa tempatan.



## PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

**RM 225.45 juta**

KPLB bagi merapatkan jurang antara kawasan bandar dan luar bandar.

BELANJAWAN  
**2021**  
SABAH MAJU JAYA



**RM 125.45 juta**

Projek pembasmian kemiskinan seperti Program Mini Estet Sejahtera, Program Komuniti dan Ekonomi Desa, Program Satu Daerah Satu Produk dan lain-lain.



# KESEJAHTERAAN RAKYAT

BELANJAWAN

**2021**

SABAH MAJU JAYA



**RM 60 juta**

25,000  
penerima OKU,  
warga emas dan  
ibu tunggal.

**RM 8.45 juta**

Pembinaan (fasa 1)  
Kompleks  
Bersepadu OKU &  
warga emas.

**RM 200 juta**

Bantuan & Inisiatif  
berkaitan COVID-19.

**RM 3.2 juta**

Majlis Perkhidmatan  
Masyarakat Sabah  
(MPMS)

**RM 6 juta**

Membantu belia  
kehilangan  
pekerjaan akibat  
COVID-19.

**RM 13.9 juta**

Bantuan Sosial sekolah  
melibatkan pengagihan  
pakaian seragam,  
kasut sekolah &  
alat tulis.

# WANITA

BELANJAWAN  
**2021**  
SABAH MAJU JAYA

**RM 15.66 juta**

Program  
Pembangunan  
Wanita.

**RM5.86 juta**

Program & kursus  
kemahiran ibu  
tunggal & wanita  
golongan miskin.

**RM 9.80 juta**

Pengurusan &  
Pinjaman mikro  
melalui Yayasan  
Usaha Maju (YUM)



## BELIA DAN SUKAN

BELANJAWAN  
**2021**  
SABAH MAJU JAYA



**RM 106.70 juta**

Pembangunan belia & sukan.

**RM 6 juta**

Membantu belia kehilangan pekerjaan akibat COVID-19.

**RM 13.84 juta**

Pelaksanaan program belia & sukan.

**RM 46.72 juta**

Prasarana & fasiliti sukan.

# PENJAWAT AWAM NEGERI

BELANJAWAN  
**2021**  
SABAH MAJU JAYA



Bantuan Khas  
Sebanyak  
**RM 600**  
pada Januari  
2021

# BELANJAWAN 2021


## RAKYAT SEJAHTERA, EKONOMI MAMPAH

BELANJAWAN  
**2021**  
SABAH MAJU JAYA

“Saya mengajak Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menyokong Belanjawan Tahun 2021 yang dibentangkan sebagai belanjawan pertama untuk kita merintis pelaksanaan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya”

“Hasrat kita adalah untuk melihat, bukan sahaja negeri ini maju, tetapi rakyatnya juga berkemajuan. Matlamat kita adalah untuk memastikan nilai dan makna pembangunan itu bukan sahaja didengar, tetapi dapat dilihat dan dirasai oleh sekalian rakyat. Kepada Allah SWT kita berserah dan kepada-NYA juga, kita memohon bantuan dan pertolongan”

*Ucapan Belanjawan  
18 Dis 2020*



**YAB. DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI HAJI NOOR**  
KETUA MENTERI MERANGKAP MENTERI KEWANGAN SABAH